Nama :........................................................................ Kelas :..........................................

ڤرسيدڠن ڤڠتوا دان مجليس ڤڠتوا

معهد كراجاءن سكوله منڠه اوݢام عرب بنتوان

يايسن اسلام كلنتن

3766/1
Perniagaan
Kertas 1
September 2025
1 jam 15 minit

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN
# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
# TAHUN 2025 M / 1447 H

## PERNIAGAAN
## KERTAS 1

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi ***40 soalan***.
2. Jawab ***semua*** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.

**Kertas peperiksaan ini mengandungi 13 halaman bercetak**

©2025 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

1. Pernyataan manakah yang merupakan ciri kehendak manusia?

   A Mudah dipenuhi
   B Hidup lebih selesa
   C Mempunyai batasan
   D Sama untuk semua individu

2. Antara yang berikut, yang manakah tidak berkaitan dengan Konsep Asas Perniagaan?

   A Kontrak Jual beli
   B Pertukaran Nilai
   C Penjual dan Pembeli
   D Barang dan Perkhidmatan

3. Maklumat di bawah berkaitan dengan tujuan perniagaan.




   Apakah kaedah jualan yang boleh digunakan oleh organisasi di atas?

   I Secara percuma
   II Jualan pada harga di atas kos
   III Jualan secara pemberian diskaun
   IV Jualan pada harga kos

   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

4. Maklumat di bawah berkaitan dengan dua bentuk milikan perniagaan.

| | |
|---|---|
| Perniagaan X | Damai Kafe Enterprise |
| Perniagaan Y | Klinik Doktor Adli dan Rakan-rakan |

   Apakah kelebihan perniagaan X berbanding perniagaan Y?

   A Mudah ditubuhkan
   B Beban cukai yang rendah
   C Bebas dalam menguruskan perniagaan
   D Menanggung liabiliti terhad

5. Maklumat berikut berkait dengan saiz perniagaan sebuah perniagaan.

| |
|---|
| Encik Azmi membuka sebuah perniagaan menghasilkan makanan berasaskan hasil laut sejak 5 tahun yang lalu. Perniagaan beliau terletak di Kampung Nelayan di daerah Tumpat, Kelantan. Pada tahun 2024, perniagaan beliau memperoleh jumlah jualan tahunan sebanyak RM14 juta. Beliau mempunyai pekerja tetap seramai 70 orang. |

Apakah kelebihan saiz perniagaan di atas?

I Menikmati ekonomi bidangan
II Mudah mendapatkan pekerja mahir
III Kos overhead yang rendah
IV Mudah untuk mengubah strategi perniagaan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6. Maklumat berikut berkait dengan skala perniagaan.

- Perlu memenuhi permintaan dari pelbagai daerah
- Melibatkan perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS)

Apakah skala yang berkait dengan maklumat di atas?

A Skala Negeri
B Skala Kebangsaan
C Skala Tempatan
D Skala Zon

7. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan Kerajaan dalam membantu perniagaan.

| |
|---|
| Perniagaan Sinar Permata merupakan pengeluar tayar tempatan bermutu tinggi dan barang keluarannya dipasarkan ke luar negara. Perniagaan ini juga layak mendapat insentif yang diberikan oleh kerajaan bagi mengembangkan aktiviti perniagaannya. |

Apakah manfaat yang diperoleh oleh perniagaan tersebut?

A Potongan cukai
B Taraf perintis
C Pengecualian cukai
D Elaun pelaburan semula

8. Pernyataan manakah menunjukkan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada perniagaan?

A Mewujudkan pusat latihan pekerja
B Mendaftar perniagaan peniaga kecil
C Mengawal kesihatan awam dan keselamatan
D Menguatkuasakan undang-undang

9. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pengangguran.

| |
|---|
| Kemelesetan ekonomi menyebabkan perniagaan terpaksa mengurangkan pekerja akibat tidak mampu membayar gaji dan hilang punca pendapatan. |

Bagaimanakah kerajaan dapat mengatasi masalah tersebut?

A Mengalakkan penggunaan mesin moden untuk proses tertentu
B Melaksanakan perancangan ekonomi yang mampan
C Menyediakan insentif kepada perniagaan
D Melaksanakan dasar fiskal dan kewangan

10. Pernyataan berikut menunjukkan tindakan kerajaan untuk mengawal satu keadaan ekonomi.

| |
|---|
| • Menaikkan kadar cukai<br>• Meningkatkan kadar faedah simpanan |

Tindakan kerajaan di atas adalah bertujuan untuk

A mengurangkan penawaran di pasaran
B mengurangkan simpanan di bank
C mengurangkan kuasa beli pengguna
D mengurangkan perbelanjaan kerajaan

11. Manakah antara berikut merupakan kesan deflasi?

A Kuasa beli penduduk meningkat
B Aktiviti perniagaan terbantut
C Pengeluaran barang secara besar-besaran
D Pengeluar menikmati ekonomi bidangan

12. Rajah di bawah menunjukkan graf kitaran ekonomi.




Apakah yang berlaku apabila perniagaan berada di fasa I ?

I Pengangguran meningkat kerana penduduk hilang pekerjaan
II Perniagaan tidak mampu membayar upah yang semakin meningkat
III Pengeluaran produk akan ditambahkan bagi memenuhi peningkatan penggunaan produk
IV Perniagaan berkembang ke peringkat antarabangsa termasuk aktiviti eksport dan pelaburan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

13. Manakah antara berikut, merupakan gaya pengurusan yang mempengaruhi trend persekitaran meningkat?

I Gaya Pengurusan Laissez-faire
II Gaya Pengurusan Demokratik
III Gaya Pengurusan Sederhana
IV Gaya Pengurusan Sokongan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

14. Rajah di bawah menunjukkan graf trend persekitaran perniagaan.




Apakah langkah yang perlu diambil oleh peniaga jika pasaran menjadi tepu?

I Membuat pengeluaran secara besar-besaran
II Mengurangkan perbelanjaan operasi dan pentadbiran
III Mencari pasaran baharu
IV Menambahbaik barang dan perkhidmatan sedia ada

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

15. Pernyataan berikut berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi perubahan objektif sebuah perniagaan perabot.

| |
|---|
| Pihak pengurusan Tunjang Gemilang Sdn. Bhd terpaksa mengubahsuai objektif perniagaan dengan memberi penekanan kepada keunikan ukiran perabot yang dicipta oleh pekerjanya kerana jualan yang merosot akibat kemelesetan ekonomi. |

Apakah faktor tersebut?

A Pemasaran dan sosiobudaya
B Kewangan dan politik
C Pengeluaran dan ekologi
D Sumber manusia dan ekonomi

16. Apakah langkah yang boleh diambil oleh perniagaan untuk mengatasi para pesaing dalam jangka panjang?

A Menjual barang pada harga kos
B Menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan
C Menjalankan promosi jualan yang kerap
D Menjual barang secara kredit kepada semua pelanggan

17. Encik Zack merupakan seorang pekerja di bahagian pentadbiran sebuah Syarikat. Apakah tugas beliau?

A Meningkatkan tahap pengeluaran produk
B Menguruskan fail dan dokumen perniagaan
C Menyediakan penyata kewangan syarikat
D Mengedarkan produk terus kepada pengguna

18. Encik Ammar menghadapi masalah kemerosotan jualan akibat produk baharu yang lebih berkualiti dan menarik di pasaran.
Bahagian fungsian manakah yang bertanggungjawab menangani masalah tersebut?

A Jualan
B Pemasaran
C Penyelidikan dan pembangunan
D Khidmat pelanggan

19. Rajah berikut berkaitan dengan saluran agihan.




Produk manakah yang sesuai menggunakan saluran agihan tersebut?

A Kapal terbang
B Kosmetik
C Ubat-ubatan
D Alat elektrik

20. Bagaimanakah interaksi dengan pihak bank membantu perniagaan mengatasi masalah operasi pengeluaran?

A Mengatasi masalah kekurangan modal kerja
B Memudahkan urusan pembayaran perniagaan
C Memudahkan perniagaan membayar bil dan gaji pekerja
D Memudahkan perniagaan menyimpan wang dengan selamat

21. Mengapakah pengurusan sumber manusia penting untuk sesebuah organisasi perniagaan?

I Dapat mengekalkan tahap motivasi pekerja
II Dapat mengurangkan kadar pengangguran pekerja dalam negara
III Dapat mengatasi persaingan yang dihadapi di pasaran
IV Dapat memastikan tenaga pekerja sentiasa mencukupi

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

22. Maklumat berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan.

| |
|---|
| Pengurus sumber manusia mengagihkan sumber manusia ke dalam jabatan sumber manusia, pengeluaran dan pemasaran. Pengurus sumber manusia juga menyediakan tempat kerja yang kondusif. |

Aspek manakah yang telah disediakan oleh pengurus sumber manusia?

A Berpengalaman
B Penyelesaian masalah
C Penghargaan dan hukuman
D Penempatan pekerja dan penyediaan fasiliti

23. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Semarak Berhad.

| |
|---|
| Syarikat Semarak Berhad ialah sebuah syarikat tempatan bersaiz besar yang memasarkan pelbagai keluaran pengguna yang terdiri daripada makanan dan minuman seperti biskut, bijirin, mi segera, sos dan minuman kesihatan. Keluaran Syarikat diedarkan di Malaysia, Negara ASEAN, Timur Tengah dan China. Pada masa terdekat, syarikat bercita-cita untuk mengedarkan hasilnya ke Asia Barat dan Amerika Selatan. |

Struktur organisasi manakah yang paling sesuai untuk Syarikat Semarak Berhad untuk mencapai matlamat perniagaan?

A Struktur organisasi berdasarkan fungsi
B Struktur organisasi berdasarkan produk
C Struktur organisasi berdasarkan matriks
D Struktur organisasi berdasarkan geografi

24. Iklan di bawah ini berkaitan dengan keperluan kemahiran kebolehkerjaan.

**JAWATAN KOSONG (TEKNIKAL)**
Pegawai Stor (Store Officer) Setara Gred N27

**Syarat Lantikan**
- Diploma dalam bidang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.

**Deskripsi Tugas**
- Menguruskan dan memastikan bilik stor penyimpanan bahan kimia, makanan haiwan dan bilik Pembangunan sisa berada dalam keadaan optimum mengikut piawaian OECD-GLP atau AAALAC

Apakah keperluan kemahiran kebolehkerjaan yang diutamakan oleh pengiklan?

A Berpengalaman
B Berpengetahuan tentang produk
C Kelayakan yang bersesuaian
D Keberkesanan mencapai sasaran individu, pasukan dan jabatan

25. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Fly Air Berhad.

| |
|---|
| Kemelesetan ekonomi yang melanda dunia menyebabkan beberapa syarikat penerbangan menamatkan perkhidmatan juruterbang mereka. Namun begitu, Fly Air Berhad telah menawarkan perkhidmatan kepada juruterbang tersebut dengan pakej penggajian yang lebih rendah berbanding majikan asal. Sebahagian daripada mereka menerima tawaran Fly Air. |

Apakah faktor penentu sistem penggajian Syarikat Fly Air Berhad?

A Kemampuan organisasi
B Bentuk dan jenis tugas
C Ganjaran yang dibayar oleh pesaing
D Permintaan dan penawaran buruh

26. Syarikat Penerbitan Pertama memohon hak cipta terpelihara bagi beberapa karya yang diterbitkan. Apakah tujuan syarikat berbuat demikian?

A Mendapat kelulusan untuk menjual pada harga diskaun
B Mendapat hak perundangan ke atas ciptaan mereka
C Mendapat kebenaran untuk mencetak karya syarikat
D Mendapat kebenaran memasarkan karya syarikat ke luar negara

27. Gambar di bawah berkaitan dengan contoh sumber teknologi.




Apakah yang berkaitan dengan sumber teknologi tersebut?

A Harta intelek
B Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi
C Lesen perisian
D Produk siap

28. Sumber fizikal manakah yang berkaitan dengan sebuah firma guaman?

A Bahan mentah
B Kilang dan mesin
C Bangunan dan kemudahan
D Produk siap

29. Penyelenggaraan berkala ke atas mesin membolehkan

A mesin ditukar baharu
B operasi kilang berjalan lancar
C bahan mentah sentiasa mencukupi
D usahawan membeli lebih banyak mesin baharu

30. Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Auni.

| |
|---|
| Puan Auni memerlukan modal tambahan sebanyak RM50 000 bagi mengembangkan perniagaannya. Beliau bercadang membuat permohonan dengan TEKUN Nasional sebagai keperluan modal tambahan. |

Pada pendapat anda, mengapakah Puan Auni mengambil keputusan tersebut?

A Tidak tertakluk kepada terma dan syarat
B Jumlah pinjaman tidak terhad
C Perlukan cagaran bernilai
D Tiada kadar faedah atas pinjaman

31. Gambar di bawah menunjukkan sebuah institusi kerajaan

Apakah dana yang ditawarkan oleh institusi kerajaan ini kepada peniaga?.

A Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE)
B Skim Pembiayaan Peningkatan Perniagaan (SPiM)
C Skim Pembiayaan Program Temannita
D Skim Pembiayaan Kontrak - I

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

32. Rajah berikut merupakan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan untuk sesebuah perniagaan.

Menyediakan rancangan perniagaan → V → Membuat permohonan → Pembiayaan diluluskan

Apakah V?

A Mendapatkan khidmat nasihat
B Mengisi borang permohonan ( borang A)
C Menyediakan kontrak pinjaman
D Mengeluarkan surat kelulusan

33. Antara yang berikut, yang manakah terkandung dalam penyata pendapatan?

I Jualan
II Aset semasa
III Overdraf
IV Untung kasar

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

34. Maklumat berikut adalah penyata pendapatan Perniagaan Marya Kopitiam dari tahun 2022 hingga 2024.

| **Butiran** | **2022** | **2023** | **2024** |
|---|---|---|---|
| | (RM) | (RM) | (RM) |
| Jualan | 90 000 | 90 000 | 90 000 |
| *Tolak* : Kos jualan | (45 000) | (46 000) | (45 000) |
| Untung kasar | 45 000 | 44 000 | 45 000 |
| *Tolak* : Belanja operasi | (25 000) | (22 000) | (20 000) |
| Untung bersih | 20 000 | 22 000 | 25 000 |

Apakah faktor yang menyumbang kepada peningkatan untung bersih dari tahun 2022 sehingga 2024?

A Jualan semakin meningkat dari tahun ke tahun
B Perniagaan semakin cekap mengurus perbelanjaan operasi
C Kegiatan promosi membantu meningkatkan keuntungan
D Perniagaan menjual produk pada harga yang lebih tinggi

35. Butiran di bawah berkaitan dengan maklumat kewangan Syarikat Moon Berhad pada akhir tahun 2024.

| | RM |
|---|---|
| Untung kasar | 50 000 |
| Untung bersih | 30 000 |
| Modal awal | 300 000 |
| Modal akhir | 330 000 |

Kira peratusan pulangan atas modal Syarikat Moon Berhad.

A 9.1%
B 15.2%
C 10%
D 16.7%

36. Maklumat di bawah adalah perbandingan prestasi dalam 2 tahun bagi Perniagaan Ahmad.

| Tahun | 2022 | 2023 |
|---|---|---|
| Pusing ganti stok | 2.5 kali | 3.0 kali |

Pernyataan manakah benar tentang justifikasi prestasi Perniagaan Ahmad?

A Perniagaan Ahmad mengurus stok dengan lebih cekap tahun 2023 berbanding tahun 2022
B Perniagaan Ahmad mengurus stok lebih baik pada tahun 2022 berbanding tahun 2023
C Pada tahun 2023, stok telah ditukar sebanyak 2.5 kali
D Pada tahun 2022, stok telah berkurangan sebanyak 2.5 kali

37. Maklumat berikut berkaitan dengan faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan.

| |
|---|
| Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia (MECD) memberi bantuan khidmat nasihat dan rundingan kepada usahawan. |

Apakah faktor berkenaan?

A Bantuan profesional
B Modal
C Pemasaran
D Kemahiran

38. Antara yang berikut, yang manakah tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

I Syarikat Prima Berhad
II Syarikat Aloha Sendirian Berhad
III Pasar Mini Harmoni
IV Mai Kopi Enterprise

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

39. Antara yang berikut, yang manakah merupakan maklumat yang perlu dilengkapkan oleh usahawan untuk memperbadankan Syarikat persendirian di bawah Akta Syarikat 2016?

I Status kewangan
II Maklumat saham syarikat
III Nama syarikat
IV Alamat cawangan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

40. Rajah berikut menunjukkan sebahagian daripada butiran yang ada dalam rancangan perniagaan.

Ringkasan eksekutif → Pengenalan → Q → Latar belakang pemilik

Apakah Q?

A Lampiran
B Rancangan pentadbiran
C Rancangan pemasaran
D Latar belakang perniagaan